



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/7/2019	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Harimau belang muncul di Bukit Besi



Seekor harimau belang didapati berkeliaran di sekitar Bukit Besi semalam.

DUNGUN - Orang ramai gempar apabila seekor harimau belang yang dipercayai tersesat berkeliaran di sekitar kawasan halaman rumah penduduk dan kawasan jalan raya di Bukit Besi di sini semalam.

Kehadiran haiwan itu sempat dirakamkan oleh penduduk dan pengguna jalan raya sebelum video dan gambar tular di media sosial.

Menerusi rakaman video berdurasi 1 minit 25 saat itu, harimau belang berkenaan dilihat merayau di kawasan jalan raya.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Dr Abdul Malik Mohd Yusuf ketika

dihubungi mengesahkan menerima aduan berhubung kejadian itu pada jam 11.30 pagi semalam.

Menurutnya, kakitangan Perhilitan segera dikerah ke lokasi kejadian untuk melakukan usaha menangkap haiwan liar itu.

"Harimau itu tidak lari ketika didekati kenderaan tetapi kita masih tidak dapat pastikan sama ada ia jinak atau tidak.

"Sekarang kita dalam usaha untuk menangkap harimau belang terbabit," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Abdul Malik berkata, pihaknya setakat ini belum dapat mengenal pasti habitat asal harimau belang itu.